



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

2020 BULETIN MAQIS



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

JULAI

BULETIN @ MAQIS

MAQIS RAMPAS KAYU CENDANA RM8,000 DI KLIA2



SEPANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 23 kilogram (kg) kayu cendana dianggarkan bernilai RM8,000 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada Ahad lalu.

Maqis Selangor berkata, kesemua kayu cendana tersebut telah berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kira-kira pukul 5.30 petang yang cuba dibawa masuk oleh seorang lelaki dari Pnom Penh, Kemboja.

“Kayu cendana tersebut telah ditemui di dalam sebuah bagasi dan juga sebuah kotak berasingan yang dipercayai untuk kegunaan sendiri.

“Kesemua kayu cendana itu telah disita oleh pihak Maqis kerana tidak mempunyai permit import serta sijil Konvensyen Mengenai Perdagangan Antarabangsa Dalam Spesies Terancam (CITES),” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut kenyataan itu, tindakan mengimport hasil pertanian tanpa permit yang sah dari Maqis adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

“Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya-duanya sekali.

“Maqis akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke dalam Malaysia adalah bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar,” tegasnya. – KOSMO! ONLINE

BULETIN @ MAQIS

SYARIKAT PEMBEKAL TAK SEMPAT PASARKAN 10 TAN KETAM SEJUK BEKU

KLANG – Sebuah syarikat pembekal hidupan laut tidak sempat memasarkan 10,000 kilogram (kg) ketam sejuk beku dari Indonesia selepas produk itu ditahan di Pelabuhan Klang Barat, baru-baru ini.

Penahanan produk tersebut dilakukan kira-kira pukul 4.10 petang, Isnin lalu selepas didapati tidak mempunyai sebarang import sah.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor berkata, berdasarkan siasatan awal mendapati kesemua ketam itu adalah untuk pasaran tempatan.

Menurutnya, ini merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat tersebut yang telah beroperasi sejak 2018.

“Hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan mendapati kontena yang membawa ketam sejuk beku dari Indonesia itu tidak mempunyai sebarang permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

“Keseluruhan hasil dagangan dianggarkan sebanyak 10,000kg bernilai kira-kira RM46,000 kini ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Maqis turut menegaskan, kontena tersebut disita dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]. – KOSMO! ONLINE



BULETIN @ MAQIS

Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha 1443H/2022



10 Julai 2022 | Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.
Majlis Takbir Hari Raya Aidiladha Oleh Warga MAQIS

Taqabballahuminna wa minkum.
Ikhlas daripada Ketua Pengarah dan seluruh warga kerja Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Lawatan YB Menteri MAFI ke Kompleks KLIA Kargo



SEPANG, 14 Julai 2022 – YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan turun ke Kompleks KLIA Kargo, Sepang bagi melihat sendiri aktiviti pengoperasian pengimportan dan pengeksportan hasil pertanian negara.

BULETIN @ MAQIS

Operasi Bersepadu!



18 Julai 2022 | MAQIS Pahang/Terengganu.
Operasi pemeriksaan bersama lain-lain agensi bersama MAQIS, JKDM & Farmasi.

Lawatan Kerja Pasukan Nukleus Single Border Agency (SBA)



19 & 20 Julai 2022 | MAQIS Pahang/Terengganu
Lawatan kerja Pasukan Nukleus Single Border Agency (SBA) ke Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan

BULETIN @ MAQIS

Perasmian Pejabat Baru MAQIS



23 Julai 2022
Perasmian pejabat baru MAQIS Batu Pahat oleh Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, serta lawatan ke jeti pendaratan kelapa kering.

Lawatan Ketua Pengarah MAQIS



24 Julai 2022 – Sekitar lawatan Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman ke Pejabat MAQIS Kukup, Pelabuhan Pasir Gudang, MAQIS Kargo LTAS dan Kilang makanan haiwan FFM Grain.

BULETIN @ MAQIS

Kursus Pemantapan Persampelan Komoditi Haiwan Dan Hasilan Haiwan



Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta mengenai tatacara persampelan yang betul bagi komoditi haiwan dan hasilan haiwan serta memperkasakan pengetahuan terhadap jenis-jenis penyakit haiwan yang masuk ke dalam negara.

22-24 Julai 2022 | i-City Shah Alam, Selangor

Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)



26-28 Julai 2022 | Wisma Tani, Putrajaya



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000

Fax No : 03-8870 8056



BULETIN @ MAQIS

SEKURITI MAKANAN



SEKURITI MAKANAN

Satu keadaan di mana semua masyarakat mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat.



4 DIMENSI UTAMA SEKURITI MAKANAN

- 01 Kebolehdapatan**
Pengeluaran domestik, kapasiti import, perdagangan dengan negara lain & stok makanan dan bantuan makanan
- 02 Akses**
Pendapatan dan kuasa beli, pengeluaran sendiri, pengangkutan/ struktur logistik dan pasaran & pengedaran makanan
- 03 Kestabilan**
Keselamatan dan kualiti makanan, air yang bersih, kesihatan dan sanitasi & amalan penjagaan, pemberian makanan dan rawatan kesihatan
- 04 Penggunaan**
Perubahan cuaca dan musim, ketidakpastian harga, faktor politik & faktor ekonomi



CABARAN SEKURITI MAKANAN



Ketidaktentuan Harga Input Pertanian



Kekurangan Pekerja



Perubahan Iklim & Cuaca Melampau



INTERVENSI MENANGANI ISU SEKURITI MAKANAN



PERDAGANGAN

JANGKA PENDEK

- Memudahkan Prosedur Import
- Mengenalpasti Sekatan Eksport
- Mewujudkan Stokpail

JANGKA SEDERHANA

- Menambah Bilangan Loji di Luar Negara
- Menggalakkan Diplomasi Makanan
- Mewujudkan One Stop Quarantine Centre (QSQC)

JANGKA PANJANG

- Menggalakkan Reverse Investment

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT:

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR:

HISHAM BIN ABU BAKAR

EDITOR:

SHAHRUL AMIRUL BIN MUDA
WAN NORAMIRAH BINTI WAN MANSOR



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000
Fax No : 03-8870 8056